

## **Acara Sukan Antarabangsa Bantu Lonjakkan Pelancongan Sukan Di Malaysia**

**Bernamea**

**24 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Kejayaan acara sukan antarabangsa tidak syak lagi membawa Malaysia ke arah pembangunan dalam sektor pelancongan sukan, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata acara sedemikian bukan hanya memberi manfaat dalam satu bidang ekonomi, tetapi turut memacu pelaburan dalam sektor lain misalnya hospitaliti, peruncitan, perdagangan dan industri.

"Dalam acara antarabangsa seperti kejohanan Golf Maybank Terbuka Malaysia, ini adalah peluang untuk Malaysia membuktikan kepada dunia bahawa kita mempunyai kemudahan dan kepakaran untuk menganjurkan acara bertaraf dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Kejohanan Golf Maybank Terbuka Malaysia 2013 di Kuala Lumpur Golf and Country Club, di sini Ahad.

Sementara itu, Muhyiddin menegaskan inisiatif Maybank dan Persatuan Golf Malaysia (MGA) memupuk bakat golongan muda dan mendidik mereka mengenai skil yang diperlukan untuk berjaya adalah penting bagi memastikan negara ini terus berada di pentas dunia.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada bintang yang semakin bersinar dari Thailand, Kiradech Aphibarnrat yang menjuarai Terbuka Malaysia Maybank 2013 hari ini dan pemain amatur ranking tertinggi Malaysia, Gavin Kyle Green yang muncul sebagai pemain terbaik Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936981>